KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2026

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan **(keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat pendapatan/perniagaan dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah bagi tahun (2025/2026)** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi kerja-kerja berikut:

MAKLUMAT SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG CIDB	TARIKH BUKA & TUTUP IKLAN	TARIKH TAKLIMAT	TEMPAT, TARIKH & MASA JUALAN DOKUMEN
LZNK/SH/ 04/2025	**SEBUT HARGA KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DI LOT 1154 SERTA LAIN-LAIN KERJA-BERKAITAN UNTUK LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH**	**G2** **Bidang: CE01** dan **CE21**	**22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)** Hingga **05 OKTOBER 2026 (ISNIN) 12.00 TENGAH**	**28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)** **10.00 PAGI** **(**Secara Bersemuka di **LOT 1154, BERSEBELAH MENARA ZAKAT DIWAJIBKAN)**	Dokumen Sebut Harga dijual mulai **28 SEPTEMBER 2026** selepas jam 5:00 petang di Portal Perolehan LZNK Dijual pada harga RM 50.00

TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH AKHIR & MASA SERAHAN TAWARAN DOKUMEN SEBUT HARGA
PETI SEBUT HARGA Bilik i-Serve Centre, Aras Bawah, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman	**05 OKTOBER 2026** & sebelum jam 12:00 tengah hari

(i) Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** mendaftar dan membuat **PENGESAHAN KEHADIRAN** di Portal Perolehan Lembaga Zakat Negeri Kedah, memiliki **KOD BIDANG** yang berkaitan dan masih **SAH TEMPOHNYA** daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

(ii) Kontraktor **DIWAJIBKAN** mengikuti sesi taklimat yang dibuat secara bersemuka pada **28 SEPTEMBER 2026** bertempat di **LOT 1154, BERSEBELAH MENARA ZAKAT**.

(iii) Kontraktor hendaklah mengemukakan **KAD PENGENALAN**, **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN** dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan menyertai sesi taklimat.

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2026 (samb…)

(iv) **WAKIL SELAIN PEMILIK / PENAMA** di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

(v) Dokumen Tawaran Sebut Harga dijual **SECARA DALAM TALIAN** kepada penyebutharga yang memenuhi perkara seperti di (i), (ii) dan (iii). Bayaran bagi pembelian Set Dokumen ini tidak akan dikembalikan.

(vi) Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah.

(vii) Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan seperti alamat yang tertera di atas.

(viii) Penyebutharga hendaklah memastikan Dokumen Sebut Harga tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut **TIDAK AKAN DILAYAN**.

(ix) Tawaran **LEWAT AKAN DITOLAK**.

(x) Lembaga Zakat Negeri Kedah berhak untuk menerima atau menolak dan **TIDAK TERIKAT** untuk memaklumkan mana-mana permohonan atau membatalkan pelawaan tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon. Semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah adalah muktamad.

(xi) Penyebutharga yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai tawaran Sebut Harga ini boleh menghubungi Divisyen berikut:

(a) [Berkaitan urusan Teknikal]
Divisyen Pembangunan dan Penyelenggaraan : 1-800-88-1740 samb. 505

(b) [Berkaitan urusan Dokumen]
Divisyen Perolehan : 1-800-88-1740 samb. 507 atau 019-494 1740

b/p: Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Zakat Negeri Kedah
22/09/2026